

Headline	Kembalikan glamor sektor pertanian	Language	MALAY
Date	15. Jul 2008	Page No	22
Media Title	Harian Metro	Article Size	76 cm2
Section	Setempat	Frequency	Daily
Circulation	336603	Color	Full Color
Readership	2192000		



Kembalikan glamor sektor pertanian

PUTRAJAYA: Sektor swasta dan golongan muda perlu berganding bahu untuk mengembalikan kegemilangan bidang pertanian dalam usaha meningkatkan pengeluaran makanan negara, sekali gus mengurangkan pergantungan import pada masa depan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, berkata ketika ini sektor swasta dan golongan muda kurang menyertai bidang pertanian berikutan bimbang mendapat pulangan yang tidak menggalakkan.

“Kita kena kembalikan glamor sektor pertanian. Jadi, kita perlu pastikan pulangan dalam sektor itu seimbang dengan pulangan dalam sektor lain seperti pembinaan, industri dan pembuatan.

“Sekiranya pulangan ren-

dah, ia tidak mampu menarik minat ramai anak muda untuk menceburi bidang yang penting itu,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Seminar Strategi Baru ke Arah Sekuriti Makanan di Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Nik Mustapha Abdullah dan Ketua Pengarah Institut Pembelajaran Antarabangsa dan Strategik (Isis), Dr Mahani Zainal Abidin.

Sehubungan itu Mustapa berkata, beliau berharap seminar sehari yang menggabungkan tiga komponen utama iaitu penggubal dasar, tokoh akademik dan kumpulan industri mencari pendekatan terbaru menggalakkan penyertaan golo-



MUSTAPA...tingkat pengeluaran negara

ngan muda dan sektor swasta dalam bidang pertanian.

Selain itu, diharapkan seminar itu dapat membincangkan lima cabaran utama bagi menangani krisis makanan dihadapi negara.